



# MAJLIS BANDARAYA IPOH

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN SEBUT HARGA
1.	<p><u>NO. SEBUT HARGA</u> S0043/21</p> <p><u>NO. RUJUKAN</u> F4/5/40/18</p> <p><u>TAJUK</u> CADANGAN MEMBINA WAKAF SERTA LALUAN PEJALAN KAKI DAN KERJA-KERJA MEMBESARKAN LALUAN TURUN BOT DI TAMAN REKREASI GUNUNG LANG</p>	<p><u>(BUMIPUTERA)</u></p> <p>GRED: G1</p> <p>KATEGORI: B</p> <p>PENGKHUSUSAN: B04</p>	<p><u>TARIKH DIJUAL</u> 01 JUN 2021 (SELASA) HINGGA 14 JUN 2021 (ISNIN)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM30.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH <a href="https://myperolehan.mbi.gov.my">https://myperolehan.mbi.gov.my</a></p>	<p><u>TARIKH TUTUP</u> 15 JUN 2021 (SELASA) 12:00 TENGAH HARI</p> <p><u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA</u> PETI TENDER/ SEBUT HARGA KAUNTER PEMBAYARAN MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

- Bermula 5 Mei 2021 segala pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara dalam talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.
- Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.
- Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat **Dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) 3 bulan sebelum tamat tempoh dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB 60 hari sebelum tamat tempoh**.
- Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang <https://sso.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja**.
- Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjuru kiri hadapan dan **nama syarikat di bahagian belakang sampul surat** serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga Kaunter Pembayaran, Majlis Bandaraya Ipoh**.
- Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

HJH SAIDATUL AKMA BT JAMALUDIN, ACM.,AMP  
PENGARAH KANAN (KEWANGAN)  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

SURIANI BINTI ISMAIL  
KETUA BAHAGIAN UKUR BAHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH